

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN MORDI BIMOL [MAS GADING]

SOALAN NO.298

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilangan dan kos pembinaan bagi setiap jalan pertanian di kawasan Mas Gading sejak 2013 serta agihan bilangan projek jalan pertanian mengikut kawasan Parlimen.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak dengan peruntukkan jalan pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah melaksanakan tiga (3) buah projek jalan pertanian di dalam kawasan Parlimen Mas Gading pada tahun 2016 iaitu di Kpg Paon, Kpg Sedaing dan Kpg Stom. Jumlah kos ketiga-tiga projek tersebut ialah RM550,000.00.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, peruntukan untuk projek jalan pertanian di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) yang sudah dan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Sarawak dari tahun 2013 sehingga 2019 buat masa sekarang adalah berjumlah RM4,250,000.00 yang mana jumlah projek sebanyak 23 projek.

3. Jumlah projek mengikut kawasan parlimen adalah seperti berikut:

- Parlimen Mas Gading : 3 projek
- Parlimen Batang Lupar: 7 projek
- Parlimen Saratok : 3 projek
- Parlimen Mukah : 2 projek
- Parlimen Sibuti : 2 projek
- Parlimen Limbang : 2 projek
- Parlimen Serian : 1 projek
- Parlimen Sibu : 1 projek
- Parlimen Sarikei : 1 projek
- Parlimen Samarahan : 1 projek

Sekian, terima kasih.